

THE PRESIDENT
OF THE SENATE,
PARLIAMENT HOUSE,
50680 KUALA LUMPUR



MALAYSIA

YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA,
BANGUNAN PARLIMEN,
50680 KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

oleh

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Sukacita dimaklumkan bahawa susulan daripada pengumuman pembentukan Kabinet baharu Kerajaan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 9 Mac 2020 dan selaras dengan Peruntukan 4(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya telah menetapkan agar satu Majlis Angkat Sumpah oleh enam (6) orang Ahli Dewan Negara yang baharu diadakan pada Selasa, 10 Mac 2020 jam 10.00 pagi di Dewan Negara, Blok Utama, Parlimen Malaysia. Ahli-ahli tersebut adalah seperti berikut:

- i) YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri;
- ii) YBM Senator Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz;
- iii) YB Senator Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal;
- iv) YB Senator Datuk Lim Ban Hong;
- v) YB Senator Dato' Dr. Mah Hang Soon; dan
- vi) YB Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad.

Pelantikan ini telah mendapat perkenan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berdasarkan perenggan (b) Fasal (1) Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

SENATOR TAN SRI DATO' SRI SA. VIGNESWARAN

9 Mac 2020